

U GB 14-07 00159 BA218

bah

JANGAN KENAKAN BAYARAN TERLALU TINGGI, KATA PM

Mahathir - Kapas

PULAU KAPAS, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa industri pelancongan negara akan mati jika para pengusahanya mengenakan bayaran terlalu tinggi bagi perkhidmatan mereka.

Beliau berkata, pengusaha chalet tempatan sepatutnya memikirkan keuntungan jangka panjang dengan mengutamakan keuntungan yang sederhana dan berterusan.

Ketika berucap merasmikan Primula Kapas Island Village Resort hari ini, beliau membidas sikap sesetengah pengusaha chalet yang mengenakan bayaran keterlaluan untuk mendapat untung cepat walaupun kemudahan penginapan yang disediakan tidak selesa.

+Keuntungan seperti ini tidak kekal sebab orang yang tinggal di situ akan menceritakan keadaan mereka ditipu kerana dikenakan bayaran tinggi bagi perkhidmatan yang buruk,+ katanya.

Beliau memberi contoh bagaimana pengusaha hotel di Pulau Langkawi mengenakan sewa \$1,000 sehari sedangkan hotel itu tidaklah selesa mana, hingga taraf bebas cukai di pulau itu terjejas kerana mahalnyanya kemudahan yang disediakan. -- Lagi.

▼14/07/16-17MST

R GB 14-07 00172 BA219

bah

Mahathir - Kapas 2 (Akhir) Pulau Kapas

Dr Mahathir berkata, para pengusaha perhotelan boleh membina tempat penginapan yang selesa tetapi berharga murah jika mereka mempunyai rancangan jangka panjang.

Beliau berkata, pelan jangka panjang seperti ini telah dipelopori oleh sebuah syarikat perhotelan yang sedang membina hotel dengan 1,200 bilik di Langkawi, yang menjanjikan layanan seperti hotel bertaraf lima bintang tetapi bayarannya hanya \$55.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang berucap sebelum itu berkata, Kerajaan Negeri telah menerima 25 permohonan daripada syarikat yang ingin membangunkan industri pelancongan di sini.

Daripada jumlah, lima permohonan telah diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan untuk ditapis, katanya.

Primula Kapas Island Village Resort milik Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu mempunyai 40 buah chalet dengan 10 buah chalet berkembar dan 20 buah chalet seunit.

Pengerusi Primula Resort Management, Datuk Abu Bakar Daud, isteri Dr Mahathir, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali adalah antara yang turut hadir pada majlis itu. -- Bernama.

▼14/07/16-27MST